

GARIS PANDUAN PINDAH KREDIT MASSIVE OPEN ONLINE COURSES (MOOC) DAN MICROCREDENTIAL (MC)

1. Pengenalan

Pindah kredit *Massive Open Online Courses* (MOOC) dan *Microcredential* (MC) membolehkan jumlah kredit bagi kursus yang diikuti diambilkira sebagai sebahagian daripada jumlah kredit untuk bergraduat tetapi tidak digunakan bagi pengiraan *Grade Point Average* (GPA)/*Cumulative Grade Point Average* (CGPA) bagi program yang diikuti.

Pelajar aktif UUM boleh memohon untuk pindah kredit MOOC secara *horizontal* sekiranya mereka telah melengkapkan MOOC dan MC samada ditawarkan oleh UUM atau institusi lain (MoHE, 2016). Pindah kredit MOOC juga boleh berlaku secara *vertikal* dengan merujuk dokumen Garis Panduan Perpindahan Kredit MOOC (MoHE, 2016) dan Garis Panduan Amalan Terbaik: Akreditasi Pengalaman Pembelajaran untuk Penganugerahan Kredit (APEL C) (MQA, 2016).

Proses pindah kredit MOOC dan MC adalah berdasarkan prosedur yang dinyatakan dalam Garis Panduan Perpindahan Kredit MOOC (MoHE, 2016). Garis panduan ini menerangkan pindah kredit MOOC dan MC secara *horizontal*. Bagi pelajar berstatus 'Aktif' di UUM, beberapa perkara tambahan perlu diambil kira oleh pelajar, *Subject-Matter Expert* (SME), dan Pusat Pengajian dalam menguruskan proses pindah kredit MOOC dan MC secara *horizontal* iaitu:


- 1.1. Pemohon yang ingin memohon pindah kredit MOOC dan MC adalah berstatus 'Pelajar Aktif' di UUM.
- 1.2. Pemohon boleh memilih pembelajaran dari mana-mana pelantar MOOC yang diiktiraf oleh UUM bagi tujuan pemindahan kredit MOOC dan MC seperti Edx, Coursera, FutureLearn dan lain-lain. UUM juga berhak menentukan pelantar MOOC dan MC yang layak untuk pindah kredit MOOC dan MC dari semasa ke semasa.
- 1.3. Sijil MOOC dan MC yang digunakan untuk permohonan pindah kredit masih dalam tempoh sah laku **lima (5) tahun** dari tarikh permohonan.
- 1.4. Pelajar yang telah memperoleh *Certificate of Completion* dari mana-mana MOOC dan MC dan ingin melakukan Pindah Kredit MOOC dan MC perlu mengisi borang permohonan ujian pentaksiran secara bersemuka (*on-site verification*) di Pusat Pengajian masing-masing. Senarai semak bagi permohonan pindah kredit MOOC dan MC bagi pemohon boleh dirujuk dalam **Lampiran A**.
- 1.5. Pelajar dikehendaki membayar yuran pemprosesan permohonan Pindah Kredit MOOC dan MC di UUM bagi permohonan Pindah Kredit MOOC dan MC.

- 1.6. Kursus MOOC dan MC yang diambil hanya dibenarkan dipindah kredit secara Pindah Kredit MOOC dan MC sekali sahaja untuk satu kursus bagi sesuatu program. Pemohon perlu membuat pengesahan yang menyatakan bahawa dirinya tidak pernah memohon pindah kredit bagi sijil tamat (*certificate of completion*) MOOC dan MC yang telah diperolehinya.
- 1.7. Jumlah maksimum bagi pindah kredit bagi pelajar pasca siswazah dan pelajar siswazah UUM adalah merujuk kepada peraturan akademik pasca siswazah dan pelajar siswazah UUM.
- 1.8. Jumlah jam kredit bagi kursus yang mendapat pemindahan kredit adalah tidak melebihi 30% daripada keseluruhan jam kredit sesuatu program.
- 1.9. Permohonan pindah kredit MOOC dan MC bagi pelajar UUM boleh dibuat sepanjang tempoh pengajian.

2. Konsep

Konsep pindah kredit MOOC dan MC secara *horizontal* bermula apabila Pusat Pengajian menerima permohonan pindah kredit MOOC dan MC dan berakhir dengan pemakluman oleh Pusat Pengajian samada pindah kredit MOOC dan MC diluluskan atau tidak. Rajah 1 menunjukkan konsep pindah kredit MOOC dan MC secara *horizontal* di UUM.

Rajah 1: Konsep pindah kredit MOOC dan MC secara *horizontal*



2.1. Pengurusan Pemindahan Kredit

Bagi urusan pemindahan kredit MOOC dan MC secara *horizontal*, pihak yang terlibat di UUM adalah pemohon (pelajar), pembangun MOOC/SME/Pakar Bidang, Pusat Pengajian, Institut Pengurusan Kualiti (IPQ), dan HEA.

2.1.1. Peranan pihak yang terlibat bagi proses pindah kredit MOOC dan MC ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1: Peranan Pihak yang Terlibat bagi Proses Pindah Kredit MOOC dan MC

Bil	Individu/Organisasi	Peranan
1	Pemohon (Pelajar)	<ul style="list-style-type: none">• Mengenalpasti kursus setara MOOC dan MC bagi tujuan pindah kredit dengan merujuk kepada pusat pengajian.• Menyediakan keperluan pindah kredit MOOC dan MC berdasarkan Senarai Semak seperti dalam Lampiran A.
2	Pakar Bidang	<ul style="list-style-type: none">• Menyemak pemetaan Hasil Pembelajaran Kursus.• Menyemak <i>Student Learning Time (SLT)</i>.• Menyemak kesetaraan jumlah jam kredit MOOC dan MC
3	Penyelaras Program / Pengerusi Bidang	<ul style="list-style-type: none">• Menerima permohonan pemindahan kredit MOOC dan MC dari pemohon.• Menyemak dokumen permohonan.• Menyelaras pentaksiran secara bersemuka di peringkat Pusat Pengajian (sekiranya perlu).
4	Dekan/ Timbalan Dekan Pusat Pengajian	<ul style="list-style-type: none">• Mengesahkan pencapaian hasil pembelajaran.• Mengesahkan permohonan pindah kredit MOOC dan MC.
5	Pusat Pengajian	<ul style="list-style-type: none">• Memproses permohonan pemohon.• Mengesahkan identiti pemohon.• Menjalankan pentaksiran secara bersemuka (sekiranya perlu).• Menerima bayaran yuran pemindahan kredit MOOC dan MC.• Mengeluarkan sijil kelulusan pindah kredit MOOC dan MC.• Membuat agihan bayaran yuran pemindahan kredit MOOC kepada pemegang taruh.• Menyemak keperluan pindah kredit

Bil	Individu/Organisasi	Peranan
		MOOC dan MC berdasarkan Senarai Semak seperti dalam Lampiran B.
6	IPQ	<ul style="list-style-type: none"> Melaksanakan audit pematuhan dan pelaksanaan pindah kredit MOOC dan MC bagi setiap Pusat Pengajian.
7	HEA	<ul style="list-style-type: none"> Menyimpan rekod pindah kredit MOOC dan MC bagi setiap Pusat Pengajian.

3. Kriteria Penganugerahan Pemindahan Kredit MOOC dan MC

- 3.1. Penganugerahan pemindahan kredit MOOC dan MC secara *horizontal* hendaklah diproses di peringkat Pusat Pengajian.
- 3.2. Panel dari Pusat Pengajian yang terdiri daripada Pakar Bidang atau SME dan Penyelaras Program hendaklah memastikan pemindahan kredit MOOC dan MC memenuhi kriteria yang dinyatakan dalam Garis Panduan Pindah Kredit MOOC (MQA, 2017).
- 3.3. Pusat Pengajian perlu memastikan kualiti MOOC dan MC, keperluan kandungan kursus dan kesetaraan kredit, pengesahan identiti pemohon dan pengesahan pencapaian hasil pembelajaran hendaklah dipenuhi bagi membolehkan penganugerahan pemindahan kredit.
- 3.4. Pengesahan pencapaian hasil pembelajaran hendaklah dijalankan oleh Pusat Pengajian. Pemetaan hasil pembelajaran MOOC dan MC mesti mempunyai minimum kesetaraan dengan kursus sedia ada sebanyak **80%**.
- 3.5. Pemohon yang tidak mempunyai **sijil *online verified course completion*** hendaklah menduduki **pentaksiran MOOC dan MC secara bersemuka (*onsite proctoring*)** yang dijalankan oleh Pusat Pengajian.
- 3.6. *Online verified course completion* yang diiktiraf oleh UUM antaranya dari edX, Coursera, FutureLearn dan lain-lain.
- 3.7. Pusat Pengajian bertanggungjawab untuk mengesahkan identiti pemohon semasa ujian pentaksiran MOOC dan MC secara bersemuka (*onsite proctoring*) sekiranya pelajar tidak mempunyai bukti *online proctoring* dari platform MOOC dan MC yang diiktiraf oleh UUM.
- 3.8. Sekiranya pemohon dapat menyediakan bukti dokumen *online proctoring*, Pusat Pengajian boleh terus menawarkan pemindahan kredit.
- 3.9. Pemohon yang hanya mengemukakan *online verified course completion* (hanya memperoleh *Certificate of Completion*) hendaklah ditaksir semula di peringkat Pusat Pengajian.

- 3.10. Pemohon yang tidak dapat menyediakan bukti **online proctoring ATAU onsite verified course completion**, hendaklah menyediakan sebarang bukti penglibatan dan kejayaan melengkapkan MOOC (seperti *Honour Code Certificate*, *Penyataan Pencapaian*, dan lain-lain).
- 3.11. Pemohon diberi status lulus *onsite proctoring* (pentaksiran secara bersemuka) sekiranya memperoleh pencapaian seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2.

Jadual 2: Gred Lulus bagi *Onsite Proctoring*


Tahap	Minimum Gred Lulus
Prasiswazah	B
Pascasiswazah	B

- 3.11.1. *Onsite proctoring* (pentaksiran secara bersemuka) boleh dijalankan oleh Pusat Pengajian menggunakan jenis-jenis pentaksiran yang berikut:
1. Pentaksiran Lisan
 2. Pentaksiran Bertulis
 3. Pentaksiran Produk
 4. Pentaksiran Prestasi
- 3.11.2. Pemohon boleh mengemukakan bukti pembelajaran seperti berikut:
1. Portfolio
 2. Rakaman Video
 3. Dokumen
 4. Model
 5. Prototaip
 6. Lain-lain bukti sekiranya diminta oleh Pusat Pengajian bagi menepati keperluan kursus.

4. Proses Pemindahan Kredit MOOC dan MC

Proses pindah kredit MOOC dan MC secara *horizontal* bermula apabila pemohon mengisi borang permohonan pindah kredit dan membayar yuran proses permohonan kepada Pusat Pengajian dan berakhir dengan pemakluman oleh Pusat Pengajian samada pindah kredit MOOC dan MC diluluskan atau tidak.

- 4.1. Rajah 2: menunjukkan carta alir proses pindah kredit MOOC dan MC secara *horizontal* di UUM.



Rajah 2: Carta Alir Permohonan Pemindahan Kredit MOOC dan MC di UUM

*Kelulusan pindah kredit MOOC dan MC boleh diberi sekiranya pelajar mempunyai bukti *online/ onsite verified course completion* dari platform MOOC dan MC yang diiktiraf iaitu edX, Coursera dan Future Learn dan pelajar tidak perlu menduduki on-site proctoring.

**Rayuan semula boleh dibuat dan pelajar hendaklah membuat bayaran yuran pemprosesan permohonan sekali lagi

- 4.2. Pusat Pengajian perlu memaklumkan kepada pemohon secara bertulis tentang status permohonan pindah kredit MOOC dan MC pemohon.
- 4.3. Keputusan pindah kredit tanpa gred yang berjaya Pindah Kredit MOOC dan MC akan dimasukkan dalam transkrip akademik pelajar.
- 4.4. Pemohon boleh membuat **rayuan** sebanyak satu (1) kali sekiranya permohonan pindah kredit MOOC dan MC tidak berjaya. Polisi rayuan pindah kredit sedia ada di UUM akan digunapakai. Keputusan rayuan adalah muktamad.

5. Kadar Yuran Pemprosesan Pindah Kredit MOOC dan MC

- 5.1. Pemohon dikehendaki membayar **yuran pemprosesan RM10** dan **yuran pemindahan kredit MOOC dan MC** berdasarkan kadar yang ditetapkan mengikut jam kredit kursus dan jenis MOOC dan MC yang diikuti seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.

Jadual 3: Kadar Yuran Pindah Kredit

Status Pelajar	Jenis MOOC dan MC	Kadar Yuran Pindah Kredit per Jam Kredit	Contoh
Prasiswazah/ Sarjana Muda	MOOC dan MC Malaysia	RM 25 (Warganegara) RM 50 (Bukan Warganegara)	Bagi kursus setara 3 jam kredit, jumlah yuran pindah kredit MOOC = RM 25 x 3 = RM 75
	MOOC dan MC Luar (Bukan ditawarkan oleh Universiti di Malaysia)	RM 40 (Warganegara) RM 80 (Bukan Warganegara)	Bagi kursus setara 3 jam kredit, jumlah yuran pindah kredit MOOC = RM 40 x 3 = RM 120
Pascasiswazah	MOOC dan MC Malaysia	70% dari kadar yuran semasa program pascasiswazah	Bagi kursus setara 3 jam kredit, jumlah yuran pindah kredit MOOC/ MC ialah: Cth program MBA (warganegara) RM550/kredit x 70% x 3 kredit = RM1,155.00

Status Pelajar	Jenis MOOC dan MC	Kadar Yuran Pindah Kredit per Jam Kredit	Contoh
Rayuan Permohonan Semak Semula Keputusan Pindah Kredit bagi semua pelajar	Semua jenis MOOC dan MC	RM 100 (Warganegara) RM 150 (Bukan Warganegara)	

*kadar ini adalah termasuk kos bagi mengendalikan Pentaksiran Bersemuka (*Onsite Proctoring*)

- 5.2. Bagi yuran pindah kredit MOOC dan MC, Pusat Pengajian hendaklah mengagihkan hasil pembayaran pindah kredit kepada pembangun kertas soalan, pentaksir dan Pusat Pengajian. Agihan yuran pindah kredit dirujuk dalam Jadual 4 dan tertakluk kepada pindaan dari semasa ke semasa.

Jadual 4: Agihan Yuran Pindah Kredit MOOC dan MC

Peranan	Peratus Agihan, %
Pembangun Kertas Soalan	15
Pentaksir	15
Pusat Pengajian	45
Universiti	25

Disediakan oleh: Jawatankuasa Penyediaan Garis Panduan Pindah Kredit MOOC dan MC

Diperaku oleh: Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Akademik (JKPA)

Disahkan oleh: Senat Universiti Utara Malaysia

Tarikh disahkan: **29 Mei 2022**

**SENARAI SEMAK PERMOHONAN PINDAH KREDIT MOOC DAN MC
(UNTUK KEGUNAAN PEMOHON)**

Bil	Senarai Semak Permohonan Pemindahan Kredit MOOC dan MC	Tanda [/] Jika Berkenaan
1	Status pelajar adalah aktif di UUM	
2	Pengambilan MOOC daripada Platform yang diiktiraf oleh UUM – contoh: OpenLearning	
3	Kursus MOOC dan MC yang dipohon pemindahan kredit telah lengkap dan lulus sepenuhnya.	
4	Senaraikan kursus-kursus MOOC dan MC yang setara dengan kursus yang dipohon untuk tujuan pemindahan kredit. Contoh: MOOC Coursera Python Programming hendak digunakan untuk pindah kredit kursus SQIT 1013 Visual Programming	
5	Sijil MOOC dan MC tidak melebihi tempoh sah laku lima (5) tahun	
6	Kursus MOOC dan MC yang dipohon bagi tujuan pemindahan kredit telah lengkap dan lulus sepenuhnya berdasarkan portfolio yang dikemukakan oleh pemohon yang mengandungi perkara berikut:	
	a) Hasil Pembelajaran Kursus (HPK);	
	b) Sinopsis Kursus;	
	c) Kandungan Kursus;	
	d) Aktiviti Pembelajaran;	
	e) Tempoh Kursus;	
	f) Pentaksiran Kursus;	
	g) Instruktur Kursus;	
	h) Bukti pemohon telah mengikuti MOOC dan MC dengan sepenuhnya; dan	
	i) Gred Kursus (yang mana berkaitan)	
7	Sijil/Surat Kelulusan Pindah Kredit MOOC dan MC dari Pusat Pengajian (jika telah menduduki Ujian Pentaksiran Bersemuka)	

LAMPIRAN B

**SENARAI SEMAK PINDAH KREDIT MOOC DAN MC
(UNTUK KEGUNAAN PUSAT PENGAJIAN)**

Bil	Senarai Semak Permohonan Pemindahan Kredit MOOC dan MC	Tanda[/] Jika Berkenaan
1	Status pelajar aktif di UUM	
2	Pengambilan MOOC daripada Platform yang diiktiraf oleh UUM	
3	Tempoh sah laku semua sijil MOOC tidak melebihi lima (5) tahun.	
4	Permohonan pindah kredit MOOC bukan pada semester akhir pengajian.	
5	Kursus MOOC yang dipohon bagi tujuan pemindahan kredit telah lengkap dan lulus sepenuhnya berdasarkan portfolio yang dikemukakan oleh pemohon yang mengandungi perkara berikut:	
	a) Hasil Pembelajaran Kursus (HPK);	
	b) Sinopsis Kursus;	
	c) Kandungan Kursus;	
	d) Aktiviti Pembelajaran;	
	e) Tempoh Kursus;	
	f) Pentaksiran Kursus;	
	g) Instruktur Kursus;	
	h) Bukti pemohon telah mengikuti MOOC dengan sepenuhnya; dan	
	i) Gred Kursus (yang mana berkaitan)	
6	Pemetaan kandungan kursus dan MOOC mencapai 80% dari segi deskripsi kursus/ hasil pembelajaran kursus, senarai topik / sub-topik dan durasi kursus.	
7	Penilaian hasil pembelajaran telah dibuat pada tarikh: _____ _____	
8	Gred minimum lulus dipenuhi (bagi on-site proctored examination) * Sijil/ Surat Kelulusan Pindah Kredit MOOC dari Pusat Pengajian	